



GARIS PANDUAN CUTI SABATIKAL INDUSTRI

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

25 September 2025

1. **Pendahuluan**

Garis panduan ini bertujuan menyediakan rujukan bagi permohonan, pelaksanaan dan pelaporan **Cuti Sabatikal Industri staf akademik UNIMAS** sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh hubungan universiti-industri dan memperkasa pembangunan profesional staf akademik dalam bidang kepakaran masing-masing.

2. **Tujuan Cuti Sabatikal Industri**

Tujuan atau matlamat sebenar Cuti Sabatikal Industri diberikan kepada Pegawai-Pegawai Akademik Universiti ini ialah untuk:

- Meningkatkan pendedahan staf terhadap perkembangan industri terkini.
- Memperkasa kepakaran akademik melalui pengalaman praktikal industri.
- Menyokong pemindahan teknologi dan pembangunan kurikulum berasaskan keperluan industri.
- Menggalakkan kolaborasi jangka panjang antara UNIMAS dan rakan industri

2.1 KPI/Output

Kategori	Aktiviti / Bidang	KPI	Indikator/Output
Sabatikal Industri Wajib menghasilkan sekurang-kurangnya satu penerbitan buku/jurnal/monograf/manuskrip/	Kerjasama dengan industri	Menandatangani MoU/MoA/LoI	Dokumen rasmi kerjasama
	Pemindahan ilmu/khidmat nasihat	Melaksanakan projek bersama industri	Laporan aktiviti, testimoni, impak kepada industri dan UNIMAS
	Modul berasaskan industri	Membangunkan modul pengajaran yang relevan	Modul yang mengintegrasikan keperluan industri dan UNIMAS
	Penulisan industri	Menulis artikel atau kajian kes industri	Artikel dalam jurnal industri, laporan kajian kes
	Latihan/bengkel industri	Menyertai atau menganjurkan program latihan	Senarai kehadiran, bahan latihan, laporan bengkel

3. **Tempoh Cuti Sabatikal Industri**

Tempoh latihan adalah di antara **5 bulan hingga 9 bulan** tertakluk kepada tempoh perkhidmatan.

4. **Syarat Pilihan Tempat Sabatikal Industri**

- 4.1 Cuti Sabatikal Industri boleh dijalankan di dalam negara Malaysia sahaja.
- 4.2 Organisasi industri mestilah berkaitan dengan bidang akademik staf yang memohon.
- 4.3 Diiktiraf secara profesional dan mempunyai reputasi baik.
- 4.4 Boleh melibatkan sektor kerajaan, swasta, GLC atau agensi antarabangsa di Malaysia.

5. **Kelayakan Dan Syarat Cuti Sabatikal Industri**

Seseorang pegawai boleh dipertimbangkan untuk Cuti Sabatikal Industri sekiranya:-

- 5.1 Telah disahkan dalam jawatan.
- 5.2 Mendapat markah LNPT sekurang-kurangnya 85% sebanyak 3 kali dalam tempoh lima tahun.
- 5.3 Umur tidak melebihi:

5.3.1 Tempoh Cuti Sabatikal Industri Lima (5) Bulan

➤ **53 tahun** pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal Industri bagi tempoh **perkhidmatan yang berterusan selama 3 tahun** dengan UNIMAS (opsyen persaraan 58 tahun) ATAU;

➤ **55 tahun** pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal Industri bagi tempoh **perkhidmatan yang berterusan selama 3 tahun** dengan UNIMAS (opsyen persaraan 60 tahun);

5.3.2 Tempoh Cuti Sabatikal Industri Sembilan (9) Bulan

➤ **52 tahun** pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal Industri bagi **perkhidmatan yang berterusan selama 5 tahun** dengan UNIMAS (opsyen persaraan 58 tahun) ATAU;

➤ **54 tahun** pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal Industri bagi **perkhidmatan yang berterusan selama 5 tahun** dengan UNIMAS (opsyen persaraan 60 tahun);

Ringkasan Umur layak memohon:

Tempoh Cuti Sabatikal Industri	Umur maksimum memohon	Tarikh tamat sabatikal	Opsyen persaraan
5 bulan	52 tahun	53 tahun	58 tahun
5 bulan	54 tahun	55 tahun	60 tahun
9 bulan	51 tahun	52 tahun	58 tahun
9 bulan	53 tahun	54 tahun	60 tahun

- 5.4 Telah genap perkhidmatan tiga (3) tahun atau perkhidmatan lima (5) tahun mengikut mana yang berkenaan. Tempoh perkhidmatan dikira mulai tarikh:
- 5.4.1 Lantikan tetap pertama; atau
- 5.4.2 Tarikh lapor diri dari Cuti Belajar; atau
- 5.4.3 Tarikh lapor diri dari Cuti Sabatikal yang terdahulu; atau
- 5.4.4 Tarikh lapor diri Cuti Separuh Gaji/Cuti Tanpa Gaji.

- 5.5 Cuti Sabatikal Industri yang sebelumnya telah ditangguhkan dengan paksa atas sebab-sebab keperluan perkhidmatan yang diluluskan oleh Naib Canselor maka dibolehkan untuk disambung semula.

- 5.6 Kuota tahunan adalah terhad kepada 2 orang pegawai sahaja.

- 5.7 Cuti Sabatikal Industri adalah merupakan satu bentuk penghargaan yang diberikan UNIMAS kepada staf dan keutamaan kepada pegawai yang terlibat atau banyak memberikan sumbangan yang signifikan kepada universiti contohnya memegang jawatan pentadbiran yang signifikan dan berimpak.

6. **Elaun-Elaun Yang Layak Diterima**

Semasa menjalani Cuti Sabatikal Industri, pegawai akan dibayar elaun Cuti Sabatikal Industri mengikut kadar yang ditetapkan dan berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Di samping itu, pegawai juga layak menerima gaji penuh sepanjang tempoh cuti tersebut selaras dengan ketetapan dalam pekeliling yang berkuat kuasa. Bagi pegawai yang diluluskan untuk menjalani Cuti Sabatikal Industri di luar negeri Sarawak, kos tiket penerbangan pergi dan balik akan ditanggung oleh pihak yang berkenaan mengikut kelayakan yang telah ditetapkan. Elaun yang layak diterima oleh pegawai adalah seperti berikut:-

- 6.1 **Elaun Sara Hidup** (Sebulan sekali)
- 6.2 **Elaun Penempatan** (Sekali bagi pengajian sembilan (9) bulan) – hanya dibayar untuk Sabatikal Industri di luar Sarawak sahaja.

7. **Pendapatan Dari Sumber Lain**

Pemberian elaun seperti yang dinyatakan di perenggan 6 di atas adalah berasaskan anggapan bahawa pegawai berkenaan **tidak menerima apa-apa bantuan** daripada pihak lain. Jika pegawai menerima apa-apa bantuan daripada pihak lain, Universiti berhak mengurangkan atau tidak memberi langsung elaun/kemudahan yang biasanya diberikan oleh Universiti. Pegawai berkenaan juga adalah dikehendaki melaporkan dengan segera kepada Universiti apa jua jenis bantuan kewangan atau kemudahan yang diterima daripada mana-mana pihak luar.

8. **Perjanjian**

Pegawai yang diluluskan Cuti Sabatikal Industri dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Universiti Malaysia Sarawak untuk berkhidmat bagi satu tempoh tidak kurang daripada 24 bulan. Tempoh perkhidmatan yang perlu ditunaikan itu akan dikira dari tarikh tamat tempoh Cuti Sabatikal Industri atau tarikh melaporkan diri untuk bertugas semula mengikut mana yang terkemudian. (Rujukan: Jadual Tempoh Ikatan Perjanjian Dan Jumlah Gantirugi Biasiswa/Hadiah Latihan Cuti Belajar).

9. **Cuti Tahunan**

Semasa menjalani Cuti Sabatikal Industri pegawai adalah **tidak layak** mendapat cuti rehat dan semua cuti rehat yang belum diambil ketika memulakan Cuti Sabatikal Industri adalah dianggap telah dihabiskan (luput). Selepas menyempurnakan Cuti Sabatikal, kelayakan cuti rehat akan dikira daripada tarikh pegawai melaporkan diri untuk bertugas semula di Universiti Malaysia Sarawak.

10. **Prosedur Permohonan**

Permohonan untuk mendapatkan Cuti Sabatikal Industri hendaklah mengikut peraturan- peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 10.1 Permohonan hendaklah dibuat secara talian menerusi Sistem ASTRA (Academic Study Leave and Tracking Request).
[<https://astra.ia.unimas.my>]
- 10.2 Permohonan hendaklah disertakan sekali dengan *proposal* rancangan cuti sabatikal industri yang terperinci dan menyatakan sekali tempat atau tempat-tempat di mana program tersebut akan diadakan.

10.3 Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen-dokumen yang telah **disahkan terlebih dahulu** oleh pihak Pusat Tanggungjawab (PTj) sebelum dimuatnaik dalam sistem. Dokumen yang perlu disediakan ialah:

- i. **Surat Tawaran Universiti**
Surat tawaran rasmi daripada institusi / organisasi
- ii. **Cadangan Penyelidikan**
Cadangan penyelidikan yang telah **disahkan oleh Dekan/Pengarah/Ketua PTj.**
- iii. ***Curriculum Vitae* (CV)**
 - CV pemohon.
 - CV penyelia
- iv. **Transkrip Akademik dan Sijil-Sijil Akademik**
Salinan transkrip akademik terkini (peringkat Sarjana/PhD sahaja)
- v. **Dokumen Pengenalan Diri**
 - **Pemohon:** Salinan MyKad, sijil kelahiran,
 - **Ibu bapa:** Salinan MyKad dan sijil kelahiran (jika telah meninggal dunia, sila lampirkan sijil kematian).
- vi. **Carta Gantt / Pelan Pengajian**
Pelan masa yang terperinci bagi keseluruhan tempoh pengajian dan aktiviti penyelidikan (contohnya: penulisan cadangan, pengumpulan data, penulisan tesis dan tarikh jangkaan tamat pengajian).

11. **Kelulusan**

Kelulusan untuk mendapatkan Cuti Sabatikal Industri akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB) UNIMAS dan Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM). Pegawai akan ditemuduga oleh panel JKCB UNIMAS. Seterusnya kelulusan tertakluk kepada kelulusan di peringkat JKSM.

12. **Tatatertib**

Semasa menjalani Cuti Sabatikal Industri seorang pegawai adalah berada dalam perkhidmatan Universiti dan ia tidak dibenarkan menjalankan apa-apa pekerjaan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti untuk mendapat apa-apa keuntungan dari mana-mana punca lain daripada Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Universiti.

13. **Laporan Cuti Sabatikal Industri**

Pegawai adalah **diwajibkan** menghantar **laporan kemajuan** kepada Seksyen Pengurusan Cuti Belajar (SPCB) selepas borang laporan kemajuan diserahkan kepada penyelia pegawai. Pegawai hendaklah menghantar borang berkaitan kepada SPCB dalam tempoh yang telah ditetapkan. Borang ini akan digunapakai sebagai Laporan

Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekiranya tempoh pegawai menjalani Sabatikal Industri melebihi 6 bulan.

- 13.1 Laporan kemajuan ini mesti dikemukakan pada bulan ketiga bagi cuti sabatikal selama 5 bulan, dan pada bulan keenam bagi cuti sabatikal selama 9 bulan.
- 13.2 Pegawai yang telah menjalani Cuti Sabatikal Industri wajib mengemukakan;
- Laporan Sabatikal Industri secara berkala serta
 - Bukti Pencapaian KPI dalam tempoh 30 hari selepas lapor diri.

14. **Ikatan Perkhidmatan**

Semua pegawai yang menerima Hadiah Latihan Cuti Belajar atau diluluskan cuti belajar akan terikat dengan perjanjian perkhidmatan sekembalinya daripada pengajian. Tempoh ikatan dan jumlah ganti rugi yang akan dituntut sekiranya pelanggaran pada perjanjian adalah seperti berikut:

14.1

Tempoh Ikatan Perjanjian Dan Jumlah Gantirugi Biasiswa / Hadiah Latihan			
Tempoh Perjanjian	Tempoh Ikatan Perjanjian (Tahun)		Jumlah Gantirugi (RM)
	Kursus Bukan Professional	Kursus Bukan Professional	Dalam Negara
Lebih 3 Bulan Hingga 1 Tahun**	2	3	40,000.00

* Kursus Professional meliputi Kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakauan (UK & Australia) dan Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan

- 14.2 Sekiranya Pegawai mempunyai baki ikatan perkhidmatan terdahulu, baki ikatan tersebut akan dibekukan dan ditambah dengan ikatan baharu.

15. **Pertanyaan dan Makluman**

Sebarang pertanyaan atau makluman hendaklah dikemukakan kepada:

Seksyen Pengurusan Cuti Belajar UNIMAS
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak.
No Tel: 082 58 – 1133,1142,1146,1147,1127